

SYARAT-SYARAT

PERTANDINGAN TIKTOK BELIA TANPA ROKOK CHALLENGE

(PROGRAM KEMPEN BELIA HIDUP SIHAT TANPA AMALAN MEROKOK)

MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan TikTok Belia Tanpa Rokok Challenge adalah anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Syarikat Pfizer.
2. Penyertaan terbuka kepada belia warganegara Malaysia berumur 15 hingga 40 tahun.
3. Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu penyertaan, namun hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
4. Pemenang akan dimaklumkan menerusi e-mel
5. Keputusan juri adalah MUKTAMAD

SPESIFIKASI VIDEO

1. Setiap penyertaan perlu merakam video dengan aplikasi TikTok yang membawa mesej Kempen Belia Hidup Sihat Tanpa Amalan Merokok
2. Video hendaklah dalam Bahasa Malaysia
3. Durasi video tidak lebih 1 minit
4. Skrip disediakan sebagai panduan namun peserta bebas mengikut kreativiti masing-masing
5. Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video
6. Setiap peserta perlu Like & Follow akaun TikTok @belia_mbm, Facebook Majlis Belia Malaysia dan Instagram @beliambm
7. Setiap video perlu dimuat naik ke akaun TikTok, Facebook atau Instagram. (Pastikan posting diset sebagai public)
9. Gunakan hashtag #BeliaTanpaRokok #mbm #kkm dan tag @belia_mbm (TikTok), @MajlisBeliaMalaysia (FB) atau @beliambm (IG)
10. Jumlah 'Like & Share' akan diambil kira dalam pemilihan pemenang
11. Daftar maklumat diri melalui QR Code yang terdapat dalam poster

HADIAH

Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut :

Pertama	RM1,000.00
Kedua	RM600.00
Ketiga	RM400
Saguhati (10 pemenang)	RM100

TEMPOH DAN TARIKH TUTUP PENYERTAAN

1. Tempoh penyertaan adalah pada 25 Oktober 2022 hingga 4 November 2022
Sehingga jam 23:59:00

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi talian (019) 314 7271

CADANGAN SKRIP

Skrip 1

1. Iklan dan penjualan rokok elektronik dan vape sangat berleluasa.
2. Makin ramai anak-anak muda termasuk kanak-kanak telah mula menghisap vape.
3. Komplikasi penyakit semakin bertambah.
4. Mana akta yang dijanjikan? Apa yang dijanjikan perlu dikotakan.
5. Generasi Sihat Tanpa Rokok dan Vape perlu direalisasikan
6. Pandemik masih melanda, jika anda dijangkiti COVID-19, dapatkan rawatan dengan segera.

Skrip 2

- 1) Masalah merokok yang semakin melarat terutama melibatkan kanak-kanak dan remaja yang menghisap vape.
- 2) Semakin banyak kajian membuktikan kesan buruk penggunaan rokok elektronik atau vape.
- 3) RUU Kawalan produk merokok memberikan harapan kepada seluruh rakyat Malaysia.
- 4) Namun, RUU ini masih belum diluluskan.
- 5) Sampai bila generasi Malaysia akan terus menjadi mangsa ketagihan produk merokok?
- 6) Apakah jaminan ANDA pemimpin yang akan dipilih Rakyat untuk mengatasi masalah merokok terutama vape?
- 7) Kepada rakyat Malaysia, jaga diri anda - Jika anda dijangkiti COVID-19, dapatkan rawatan dengan segera.

Skrip 3

1. Kanser, penyakit paru-paru kronik dan penyakit jantung antara komplikasi penyakit akibat merokok.
2. Kini, penyakit EVALI pula timbul akibat vape.
3. Sampai bila, rakyat Malaysia akan terus merana?
4. Sampai bila Generasi Malaysia akan terus menjadi mangsa ketagihan?
5. Rakyat mahukan pemimpin yang melihat isu ini dengan serius.
6. Akta kawalan produk merokok perlu segera diluluskan.
7. Jaga diri anda, jika anda dijangkiti COVID-19, dapatkan rawatan dengan segera.